

# UMS, Pusat Kokurikulum anjur kejohanan berbasikal terbuka

Oleh I.SAB KHAN MUKARAB SHAH

i.sabkhanUB@gmail.com  
UB 30-4-2013 #18

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) di bawah Kursus Sukan Basikal dengan kerjasama Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) UMS menganjurkan kejohanan berbasikal terbuka.

Kursus Sukan Basikal ini adalah di bawah naungan PKPP dan diselia oleh Jurulatih Macson Enrico Eastermon dan Oscar Gilbert yang juga bertindak sebagai jurulatih kepada pelajar dalam menjalankan dan menjayakan kejohanan ini.

Pertandingan ini mempunyai objektifnya yang tersendiri iaitu mengetengahkan prinsip kemasyarakatan dan Eco Campus yang selaras dengan objektif utama PKPP UMS.

Selain itu, kejohanan ini mendasarkan pengeratan hubungan silaturahim antara siswa siswi daripada institusi lain yang terlibat dalam pertandingan

berkenaan.

Kejohanan juga menyasarkan bahawa sifat persaingan secara sihat akan diterap dalam diri setiap pelajar dan semua peserta yang terlibat, dan diaplikasikan dalam menghadapi cabaran hidup masa hadapan.

Kejohanan berkenaan telah disertai daripada enam pasukan yang terdiri daripada para pasukan dan wakil daripada UMS, Universiti Teknologi Mara (UiTM) 1, UiTM 2, Sekwi, Cosmopoint (Wisma Times) dan MTB Tamparik.

Ia bermula pada jam 8 pagi di perkarangan Dewan Canselor UMS. Pelepasan peserta telah dilakukan oleh Penolong Pendaftar PKPP, Hafiz Ampuan Tajudin.

Kejohanan itu juga adalah berkonsepkan sistem 'Relay' iaitu pasukan haruslah diwakili oleh dua peserta lelaki dan dua peserta perempuan.

Peserta akan bergilir-gilir mengayuh basikal setelah menghabiskan trek laluan

kejohanan yang telah ditetapkan.

Keputusan akhir bagi kejohanan berkenaan telah dimenangi oleh pasukan MTB Tamparik yang terdiri daripada Bianca Leopoldo Tungua sebagai ketua pasukan, Novelie Manani, Kartika Zabaddan dan Mohamad Ahmad Saifuddin Jamaluddin.

Sementara tempat kedua dimenangi oleh UITM 1, yang terdiri daripada Ardy Azwin Jamain, Noradilla Osman, Agnes Lecsoin Philip dan Nur Muhammad Fadilah Nusrarah.

Manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh UITM 2, yang terdiri daripada Jonethan Jaibi, Farrah Nadia Maidin, Nordianah Aliza Juara dan Suriadi Rudy Salam.

Tempat keempat adalah pasukan Sekwi dan tempat kelima ialah pasukan yang mewakili UMS dan diikuti Cosmopoint Wisma Times.

Johan kejohanan ini membawa pulang hadiah berupa wang tunai, piala, medal dan sijil.



PARA peserta yang mengikuti kejohanan berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar, Prof Madya Dr Raman Noordin dalam

teks perasmiannya mengucapkan tahniah kepada semua peserta kerana berjaya menghabiskan perlumbaan

dan kepada pihak AJK pelaksana yang telah menjayakan kejohanan berkenaan.